

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]**

**SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada amalan membeli beras tempatan terlebih dahulu, sebelum membeli beras asing (sebagai satu cara untuk melindungi industri beras tempatan) oleh monopoli yang ditubuhkan pada masa hadapan atau syarikat milik Kerajaan (SOE), akan dilarangkan di bawah TPPA.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Di bawah TPPA, Malaysia telah memperoleh pengecualian ke atas mekanisma pengimportan dan pengedaran beras. Dengan pengecualian ini, semua dasar berkaitan pengimportan beras dikekalkan sedia ada dan hanya akan dipinda sekiranya ada keperluan di pihak Kerajaan.